

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)61**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB HENG LEE LEE**

61. Isu kegemukan dalam kalangan penjawat awam.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri menyedari peningkatan masalah berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan penjawat awam? Nyatakan data.
  - (b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menangani isu ini secara menyeluruh?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

61. (a) Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai data kegemukan khusus dalam kalangan penjawat awam.
- (b) Bagi menangani peningkatan masalah berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan penjawat awam, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan secara menyeluruh melalui pendekatan berstruktur dan kolaboratif.

Salah satu inisiatif utama ialah Program Komuniti Sihat Pembina Negara – *Workplace Wellness* (KOSPEN WOW) yang dilaksanakan di pelbagai agensi kerajaan. Menerusi program ini, setiap penjawat awam digalakkan menjalani saringan kesihatan tahunan yang meliputi saringan BMI, darah tinggi, kencing manis, kolesterol, saringan kesihatan mental, saringan merokok dan saringan kemudaran alkohol.

Penjawat awam yang dikenal pasti berisiko tinggi akan dirujuk kepada pegawai kesihatan untuk rawatan susulan atau intervensi lanjut, termasuk rujukan kepada pegawai pemakanan bagi mendapatkan nasihat diet dan amalan pemakanan sihat.

Selain itu, penjawat awam turut digalakkan mengamalkan gaya hidup sihat melalui pemilihan makanan sihat serta penglibatan dalam aktiviti fizikal. Sebagai sokongan kepada usaha ini, KKM menyediakan perkhidmatan fizikal di tiga *Wellness Hub* (WH) di negeri Pulau Pinang, iaitu WH Seberang Perai Tengah, WH Seberang Perai Utara dan WH Timur Laut. *Wellness Hub* ini menawarkan kemudahan dan program senaman, khidmat kaunseling gaya hidup sihat serta pemantauan berterusan bagi

membantu penjawat awam mencapai berat badan ideal dan tahap kesihatan optimum.

Langkah-langkah ini dilaksanakan secara kolaboratif dan berfokus bagi memastikan intervensi obesiti dalam kalangan penjawat awam dapat dijalankan secara menyeluruh, berkesan dan berterusan.